

**PEMAHAMAN MASYARAKAT PROTOSEJARAH
PULAU KALUMPANG, KUALA SELINSING
MELALUI ETNOARKEOLOGI ORANG SELETAR**

AMIR BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

**PEMAHAMAN MASYARAKAT PROTOSEJARAH
PULAU KALUMPANG, KUALA SELINSING
MELALUI ETNOARKEOLOGI ORANG SELETAR**

Oleh

AMIR BIN AHMAD

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Febuari 2015

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah, selawat buat Nabi Muhammad SAW serta salam buat para sahabat Nabi SAW. Tesis ini tidak dapat diselesaikan tanpa bimbingan, bantuan, sokongan dan kerjasama pelbagai pihak dan individu. Pertamanya terima kasih kepada guru dan penyelia iaitu Encik Hamid Mohd Isa yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan keyakinan. Terima kasih juga kepada Profesor Dato' Dr Mohd Mokhtar Saidin, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global yang telah memberikan peluang kepada penulis untuk belajar di bawah pusat ini. Terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli kerana memberi kebenaran untuk melakukan kajian ini. Kajian ini dapat dilaksanakan melalui Geran 1001/PARKEO/870004 RU Top Down Penyelidikan Arkeologi Orang Asli, setinggi terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi USM atas sokongan terhadap penyelidikan ini.

Selain itu terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM dan rakan-rakan iaitu Amzari, Kenshi, Addin, Ikan, Rentap, Wandy, Nik Ashri, Udin, Faiz, Adam, Lego, Syamil, Fazidah, Kamal, Muzaini, Liza, Kak Ekin, Kak Nisa, Ratna, Sue, Ein, Amar, Syheh, Syam, Yob dan lain-lain yang banyak memberikan bantuan dan sokongan sama ada dari sudut kemudahan, kemahiran mahupun buah fikiran.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada masyarakat Orang Duano dan Orang Kanaq umumnya serta Orang Seletar khususnya yang juga merupakan intipati utama dalam kajian ini kerana sudi memberikan maklumat, kerjasama dan pertolongan sewaktu kajian ini dijalankan. Terima kasih kepada Wak Jahan, Wak Lam, Batin

Salim, Jefri dan Khairul sekeluarga kerana sentiasa ada ruang di rumah kalian untuk penulis tumpang bermalam. Juga ucapan terima kasih kepada beberapa individu Orang Seletar iaitu Batin Entel, Batin Moen, Aduh, Kamal, Khamis, Edi, Khairi, Mimie, Dewi, Johan, Mazlan dan lain-lain kerana sentiasa sudi memberikan banyak pertolongan. Hanya tuhan yang dapat membalas budi baik kalian yang takkan mungkin penulis dapat lupakan.

Akhirnya, terima kasih juga buat keluarga terutamanya ayah, emak, Hadi, Yusof, keluarga Pak Ngah, keluarga Cik Joe dan keluarga Cik Na. Terima kasih emak kerana sentiasa memahami diri ini. Al-Fatihah buat arwah *nyayi* (datuk) dan pak cik iaitu Al-Marhum Haji Hussain B. Haji Yussof dan Al-Marhum Ahmad Solehin B. Haji Hussain. Moga kalian tenang di kehidupan sana.

SENARAI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI PETA	xvii
SENARAI FOTO	xviii
ABSTRAK	xxi
ABSTRACT	xxiii
 BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Masyarakat Awal Protosejarah Pulau Kalumpang	1
1.2 Kajian Terdahulu	4
1.2.1 Ivan High Norman Evans	5
1.2.2 Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman	9
1.2.3 James Richardson Logan dan John Turnbull	25
1.2.4 Ivan Polunin	28
1.2.5 Ariffin Norpiah	31

1.2.6	Clifford Sather	34
1.2.7	Mariam Ali	38
1.3	Isu dan Masalah Kajian	42
1.3.1	Corak Penempatan dan Adaptasi Masyarakat Pelaut	42
1.3.2	Corak Sara Diri dan Diet Masyarakat Pelaut	43
1.3.3	Peralatan Budaya Material	43
1.3.4	Kepercayaan Masyarakat Pelaut	44
1.4	Skop Kajian	46
1.5	Objektif Kajian	47
1.5.1	Memahami Corak Penempatan, Adaptasi, Sara Diri dan Diet Masyarakat Pelaut	47
1.5.2	Mengkaji Peralatan Budaya Material	48
1.5.3	Memahami Kepercayaan Masyarakat Pelaut	48
1.6	Metodologi Kajian	49
1.6.1	Kajian Perpustakaan	49
1.6.2	Survei Arkeologi	49
1.6.3	Kajian Etnografi	50
1.6.3.1	Temuramah	50
1.6.3.2	Penyertaan Turut Serta	52
1.6.3.3	Penggunaan Rakaman Audio-Visual	54
1.6.4	Analisis Data	55
1.7	Kawasan Kajian	59
1.8	Rumusan	60

BAB 2: ORANG LAUT DI ASIA TENGGARA

2.0	Pengenalan	65
2.1	Demografi Orang Laut di Asia Tenggara	67
2.2	Selatan Thailand dan Kepulauan Mergui, Mnyanmar	68
2.2.1	Orang Moken	68
2.3	Sabah, Sulu dan Sulawesi	78
2.3.1	Orang Bajau	78
2.4	Kepulauan Riau, Indonesia	91
2.4.1	Orang Barok	99
2.4.2	Orang Akit	103
2.4.3	Orang Galang	106
2.4.4	Orang Tambus	108
2.4.5	Orang Matang	111
2.4.6	Orang Suku Nam	112
2.4.7	Orang Laut Bugis	113
2.4.8	Orang Sekanak	114
2.4.9	Orang Sabimba	116
2.4.10	Orang Muka Kuning	121
2.5	Singapura	124
2.5.1	Orang Selat	124
2.5.2	Orang Johor	125
2.5.3	Orang Kallang	127

2.6	Semenanjung Malaysia	134
2.6.1	Orang Duano	135
2.6.1.1	Kampung Sarang Buaya	136
2.6.1.2	Kampung Teluk Minyak Beku	137
2.6.1.3	Kampung Sri Pantai	138
2.6.1.4	Kampung Bumiputera Dalam	139
2.6.1.5	Kampung Kuala Benut	139
2.6.1.6	Kampung Pontian Besar	140
2.6.1.7	Kampung Sungai Layau	140
2.6.2	Orang Kanaq	161
2.7	Rumusan	173

BAB 3: ORANG SELETAR

3.0	Pengenalan	185
3.1	Istilah Nama	185
3.2	Sejarah Kependudukan	188
3.3	Demografi Orang Seletar	194
3.4	Kampung Simpang Arang	196
3.5	Kampung Bakar Batu	198
3.6	Kampung Sungai Temun	200
3.7	Kampung Kuala Masai	202
3.8	Kampung Teluk Jawa	203
3.9	Kampung Pasir Putih	204
3.10	Kampung Teluk Kabong	205

3.11	Kampung Pasir Salam	206
3.12	Populasi dan Statistik Rumah Kediaman	207
3.13	Adaptasi	210
3.14	Ciri-Ciri Fizikal	221
3.15	Tarian Orang Seletar	224
3.16	Rumusan	231

BAB 4: KEPERCAYAAN ORANG SELETAR

4.0	Pengenalan	234
4.1	Kepercayaan Orang Seletar Masa Kini	235
4.2	Konsep Tuhan	236
4.3	Asal Kewujudan Manusia dan MakhluK Lain	238
4.4	Kepercayaan Kepada Semangat	241
	4.4.1 Semangat Baik	242
	4.4.1.1 Semangat Hantu Laut	243
	4.4.2 Semangat Jahat	248
4.5	Upacara Kenduri Moyang	250
4.6	Pembersihan Kubur	261
4.7	Pantang-Larang Orang Seletar	264
	4.7.1 Pantang-Larang Di Laut	267
	4.7.2 Pantang-Larang Di Hutan Paya Bakau	268
	4.7.3 Pantang-Larang Terhadap Haiwan	269
	4.7.4 Pantang-Larang Dalam Kelahiran Bayi	269
4.8	Kematian Dan Pengebumian	273

4.9	Upacara Kenduri Kematian	279
4.10	Shamanisme Dalam Masyarakat Orang Seletar	281
4.10.1	Cara Kebolehan Shamanisme Diperoleh	285
4.10.2	Jenis Bacaan Jampi	293
4.10.3	Peralatan Yang Digunakan	298
4.10.4	Jenis Penyakit Yang Dirawat	300
4.10.5	Kaedah Rawatan	301
4.11	Rumusan	305

BAB 5: CORAK SARA DIRI DAN BUDAYA MATERIAL ORANG SELETAR

5.0	Pengenalan	310
5.1	Corak Sara Diri Orang Seletar	310
5.1.1	Memburu Haiwan	314
5.1.2	Memburu Labi-Labi	320
5.1.3	Memburu Ular Sawa	322
5.1.4	Memburu Biawak	322
5.1.5	Menangkap Ikan	323
5.1.6	Berlarkin	333
5.1.7	Menangkap Ikan Laut Dalam	336
5.1.8	Menangkap Ikan Pesisir Pantai	341
5.1.9	Menangkap Ikan Dengan Teknik Menyelam	344
5.1.10	Menangkap Ketam Laut	347
5.1.11	Menangkap Ketam Paya Bakau	351

5.1.12	Menangkap Udang	354
5.1.13	Pencarian Haiwan Marin Bercangkerang	356
5.2	Peralatan Budaya Material Orang Seletar	365
5.2.1	Lembing	365
5.2.2	<i>Pisau Tat</i>	370
5.2.3	<i>Cemerling</i>	371
5.2.4	Lembing Ikan	371
5.2.5	Serampang Ikan	373
5.2.6	<i>Kait Kucii</i>	376
5.2.7	<i>Kait Ibau</i>	377
5.2.8	<i>Kait Ibau</i> (Lama)	377
5.2.9	Pengait Ketam	378
5.2.10	Lembing Labi-Labi	379
5.2.11	Lembing Biawak	379
5.2.12	<i>Bento Ketam</i> (Lama)	380
5.2.13	<i>Bento Ketam</i>	380
5.2.14	Bubu Buluh	381
5.2.15	Bubu Dawai	382
5.2.16	Belat atau <i>Empang Rantau</i>	382
5.2.17	Sodong Udang	383
5.2.18	Sauk Udang	384
5.2.19	Rawai	385
5.2.20	Kail	385
5.2.21	<i>Ambor</i>	386
5.2.22	Jala	387

5.2.23	Perahu	388
5.2.24	Tanjak, Selempang dan Ikatan Pinggang	398
5.2.25	Rantai Leher, Gelang Tangan dan Subang Cangkerang	405
5.4	Rumusan	409

BAB 6: INSTITUSI SOSIAL ORANG SELETAR

6.0	Pengenalan	420
6.1	Institusi Sosial	420
6.2	Keluarga Asas	421
6.3	Keluarga Luas	425
6.4	<i>Kon</i> Seletar	428
6.5	Perkahwinan	429
6.6	Persanakan	436
6.7	Pembahagian Harta Pusaka	437
6.8	Sistem Keketuaan	437
6.9	Rumusan	440

BAB 7: KESIMPULAN

RUJUKAN

SENARAI TEMURAMAH

SENARAI SINGKATAN

GLOSARI

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
3.1 Peratus bilangan rumah Orang Seletar mengikut jenis tahun 2011	209
4.1 Peratus anutan kepercayaan Orang Seletar tahun 2011	236
4.2 Susun atur hidangan makanan yang dipersembahkan semasa upacara Kenduri Moyang	254
4.3 Salasilah keluarga Lam B. Kipat yang mewarisi shamanisme	287
5.1 Tombak	368
5.2 <i>Wit</i> atau <i>pancak tiga mata</i>	368
5.3 <i>Tembung</i>	368
5.4 Lembing besi	369
5.5 Lembing parang	370
5.6 <i>Pisau tat</i>	370
5.7 <i>Cemerling</i>	371
5.8 Lembing ikan	372
5.9 Serampang ikan	374
5.10 Serampang ikan 3 mata	374
5.11 Serampang ikan dengan mata besi berbentuk 'V'	375
5.12 <i>Kait Kucii</i>	376
5.13 <i>Kait Ibau</i>	377
5.14 <i>Kait Ibau</i> (Lama)	377
5.15 Pengait ketam	378

5.16	Lembing labi-labi	379
5.17	<i>Bento ketam (Lama)</i>	380
5.18	<i>Bento ketam</i>	381
5.19	Bubu Buluh	381
5.20	Bubu Dawai	382
5.21	Belat atau <i>empang rantau</i>	383
5.22	Sodong udang	384
5.23	Sauk udang	384
5.24	Kail	386
5.25	<i>Ambor</i>	386
5.26	Jala	388
5.27	<i>Pauk pocai tanpa pekajang</i>	389
5.28	Perahu Kajang	390
5.29	Pelita tempurung kelapa	390
5.30	<i>Atap pekajang</i>	394
5.31	Hubung kait perahu masyarakat Orang Laut Riau dengan unsur spiritual	395
5.32	Pendayung	397
5.33	Tanjak untuk orang biasa	400
5.34	Tanjak untuk batin	402
5.35	Tanjak untuk batin	403
5.36	Selempang	404
5.37	Gelang tangan cangkerang	406
5.38	Rantai leher cangkerang	406
5.39	Rantai leher cangkerang dengan loket taring babi	407

5.40	Rantai cangkerang dua lapis	408
5.41	Subang telinga cangkerang	408
6.1	Perwarisan jawatan batin yang bersifat patrilineal. Entel B. Burok merupakan batin di Kampung Pasir Putih	439

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
1.1	Spesis cangkerang yang ditemui di tapak Pulau Kalumpang	12
1.2	Jumpai tulang haiwan dan ikan di tapak Pulau Kalumpang	21
1.3	Jumpai artifak dan pengkebumian di tapak Pulau Kalumpang	24
1.4	Lokasi kajian	59
2.1	Taburan Orang Bajau di Sulawesi	81
2.2	Populasi Orang Laut di Kepulauan Riau	93
2.3	Taburan dan populasi Orang Laut di Kepulauan Riau	94
2.4	Taburan dan populasi masyarakat yang menghuni kawasan sekitaran laut, pantai dan paya yang tidak diketahui nama suku kaum	96
2.5	Lokasi dan populasi Orang Duano di Johor	136
2.6	Populasi Orang Kanaq di Kota Tinggi, Johor	161
3.1	Kedudukan penempatan Orang Seletar di negeri Johor	195
3.2	Populasi Orang Seletar di negeri Johor	208
3.3	Keluasan hutan bakau Johor tahun 2006-2012	211
3.4	Spesis flora yang terdapat di hutan bakau negeri Johor	213
3.5	Perbandingan corak kawasan adaptasi antara masyarakat protosejarah Pulau Kalumpang dan Orang Seletar	233
4.1	Jumlah Orang Seletar mengikut jenis kepercayaan tahun 2011	235
4.2	Senarai bayaran pengeras mengikut rawatan	301
4.3	Perbandingan corak kepercayaan dan pengebumian antara masyarakat protosejarah Pulau Kalumpang dan Orang Seletar	309

5.1	Kekerapan memburu Orang Seletar	314
5.2	Senarai haiwan yang diburu oleh Orang Seletar	320
5.3	Kawasan penangkapan ikan Orang Seletar mengikut kampung	324
5.4	Kekerapan menangkap ikan Orang Seletar	326
5.5	Jumlah dan bilangan hari hujan di stesen meteorologi Senai, Johor 1995-2011	331
5.6	Senarai ikan yang ditangkap oleh Orang Seletar	339
5.7	Jenis ketam yang ditangkap oleh Orang Seletar	354
5.8	Jenis udang yang ditangkap oleh Orang Seletar	355
5.9	Jenis haiwan marin bercangkerang yang ditangkap oleh Orang Seletar	357
5.10	Perbandingan corak sara diri dan diet dan subsisten antara masyarakat protosejarah Pulau Kalumpang dan Orang Seletar	411
5.11	Fungsi, ciri dan bahan mentah dalam penghasilan peralatan material Orang Seletar	413
5.12	Perbandingan budaya material antara masyarakat protosejarah Pulau Kalumpang dan Orang Seletar	419
6.1	Institusi sosial Orang Seletar	421
6.2	Panggilan kekeluargaan Orang Seletar	436
6.3	Nama batin di setiap kampung Orang Seletar	438

SENARAI PETA

Peta		Muka Surat
1.1	Lokasi tapak arkeologi Pulau Kalumpang, Kuala Selinsing	2
1.2	Lokasi kajian terhadap Orang Seletar di negeri Johor	60
2.1	Taburan Orang Laut di Asia Tenggara	68
2.2	Taburan Orang Laut di selatan Thailand dan Kepulauan Mergui, Mnyanmar	69
2.3	Taburan Orang Bajau	79
2.4	Orang Laut di Kepulauan Riau, Indonesia	93
2.5	Taburan Orang Laut di Singapura	124
2.6	Penempatan Orang Laut di Semenanjung Malaysia	135
3.1	Lokasi awal Orang Seletar sebelum tahun 1819	189
3.2	Lokasi penempatan Orang Seletar di negeri Johor	195
5.1	Kawasan penangkapan ikan Orang Seletar mengikut kampung	324

SENARAI FOTO

Foto	Muka Surat
1.1 Tapak arkeologi Pulau Kalumpang, Kuala Selinsing	2
3.1 Tarian Orang Seletar	225
4.1 Jenis makanan yang dipersembahkan semasa upacara Kenduri Moyang	252
4.2 Pembakaran kemenyan untuk memulakan sesi interaksi dengan roh nenek moyang	255
4.3 Sesi berinteraksi dengan roh nenek moyang	257
4.4 Pembersihan tanah perkuburan	263
4.5 Kubur batin Orang Seletar	264
4.6 Bungkus tali pusat da uri yang diletakkan di pokok nyirih	271
4.7 Bekas tinggalan pinggan dan minuman pada kuburan untuk bekalan si mati	278
4.8 Entel B. Burok, salah seorang yang mempunyai kemahiran shamanisme dalam masyarakat Orang Seletar	288
4.9 Lam B. Kipat yang merupakan bomoh kon iaitu bomoh Orang Seletar	291
4.10 Besi kuning	298
4.11 Buluh runcing	299
4.12 Kaedah rawatan menggunakan buluh runcing	303

5.1	Leming yang diperbuat daripada kayu nibong	315
5.2	Leming babi (<i>pancak isuum</i>) yang diperbuat daripada mata besi	316
5.3	Anjing yang digunakan sewaktu aktiviti pemburuan	318
5.4	Babi hutan yang berjaya ditangkap	319
5.5	Labi-labi yang diperolehi dengan menggunakan peralatan leming	321
5.6	Bot yang digunakan masyarakat Orang Seletar untuk menangkap ikan	327
5.7	Kegiatan menangkap ikan yang melibatkan sebuah isirumah	328
5.8	Khemah kanvas yang digunakan untuk berteduh dari hujan sewaktu kegiatan menangkap ikan dijalankan	332
5.9	<i>Pekajang</i> yang dijadikan sebagai atap bumbung perahu	336
5.10	Menjaring ikan	338
5.11	Menangkap ikan dengan menggunakan kaedah <i>empang rantau</i>	343
5.12	Menangkap ikan dengan kaedah menyelam	345
5.13	Gamat yang diperolehi menerusi kaedah menyelam	346
5.14	Ketam yang dicari dan ditangkap di kawasan pesisir pantai	351
5.15	Menangkap ketam di kawasan bakau	352
5.16	Ketam yang dicari dan ditangkap di kawasan paya bakau	354
5.17	Memungut moluska	358
5.18	Siput gonggong yang diperolehi dengan kaedah menyelam	360
5.19	Rakit kupang ternak	362
5.20	Aktiviti pemprosesan menanggalkan kulit cangkerang kupang	364
5.21	Proses membelah kayu nibong	366
5.22	Proses membuang isi batang kayu nibong	367
5.23	Proses membentuk mata leming	367

5.24	Proses mengasah batang besi untuk dijadikan mata lembing	372
5.25	Proses meletakkan dan mengikat mata lembing pada hulu batang	373
5.26	Kaedah meletakkan dan mengikat mata serampang pada hulu batang	375
5.27	Hulu pengait ketam daripada kayu mang	378
5.28	<i>Pauk Jolo</i>	392
5.29	Proses membuang duri pada daun mengkuang	399
5.30	Menganyam tanjak	401
6.1	Rumah perahu Orang Seletar	422
6.2	Rumah cerucuk Orang Seletar	424
6.3	Komuniti Orang Seletar yang bergerak dalam rumah perahu	426
6.4	Perkahwinan perempuan Seletar dengan lelaki Bidayuh	434

**PEMAHAMAN MASYARAKAT PROTOSEJARAH PULAU KALUMPANG,
KUALA SELINSING MELALUI ETNOARKEOLOGI ORANG SELETAR**

ABSTRAK

Kajian etnoarkeologi tentang Orang Seletar telah dijalankan bermula tahun 2010 oleh penyelidik dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan survei arkeologi dan pengumpulan data etnografi di lapan perkampungan Orang Seletar yang terdapat di negeri Johor. Tujuan survei arkeologi ialah untuk membuat pemetaan kedudukan lokasi kajian menggunakan alat GPS selain mendapatkan data etnografi berkenaan corak adaptasi, corak sara diri, diet dan subsisten, kepercayaan, bentuk pengkebumian, peralatan budaya material dan organisasi sosial Orang Seletar. Data-data ini seterusnya dibandingkan dengan data dan rekod arkeologi dari tapak protosejarah Pulau Kalumpang, Kuala Selinsing. Tujuannya adalah untuk memahami corak budaya masyarakat awal protosejarah Pulau Kalumpang, Kuala Selinsing yang beradaptasi dengan persekitaran paya bakau, pesisir pantai dan kelautan iaitu corak adaptasi yang sama dengan masyarakat Orang Seletar. Disamping itu juga, kajian ini juga turut menyentuh budaya masyarakat Orang Laut yang terdapat di Asia Tenggara secara umum.

Kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah perpustakaan, survei arkeologi, kajian etnografi dan penganalisan data. Daripada survei dan kajian etnografi yang telah dijalankan, dapat dilihat bahawa Orang Seletar merupakan masyarakat pelaut yang beradaptasi dengan persekitaran paya bakau, pesisir pantai dan kelautan. Adaptasi persekitaran ini kemudiannya mempengaruhi corak budaya Orang Seletar iaitu dari sudut corak penempatan, corak sara diri, jenis diet dan subsisten, bahan asas dalam pembuatan alatan material dan kepercayaan mereka.

Berdasarkan rekod arkeologi yang dibandingkan dengan data etnografi mencadangkan terdapat beberapa persamaan corak adaptasi antara masyarakat awal protosejarah Pulau Kalumpang dengan Orang Seletar. Aspek persamaan dapat dilihat dari corak penempatan, diet dan subsisten, corak sara diri yang berasaskan aktiviti memungut hidupan marin dan juga pemburuan haiwan darat, teknologi dan peralatan budaya material dan amalan pengkebumian terutama melibatkan barang kiriman. Meskipun begitu, kajian ini bukan bertujuan untuk membuktikan wujud hubungan secara langsung antara kedua entiti budaya ini namun hasil dari kajian terhadap Orang Seletar ini diharap dapat memberi kefahaman tentang corak budaya yang berlangsung dalam masyarakat maritim Pulau Kalumpang.

**UNDERSTANDING THE PROTOHISTORIC COMMUNITY OF
PULAU KALUMPANG, KUALA SELINSING THROUGH
ETHNOARCHAEOLOGICAL RESEARCH ON ORANG SELETAR**

ABSTRACT

Ethnoarchaeological research on Orang Seletar was conducted in 2010 by the researcher under the auspices of Center for Global Archaeological Research, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. The research consists of archaeological survey and ethnographic data collection in eight Orang Seletar settlements in Johor. The archaeological survey aims to map the location of the research area using GPS and obtain ethnographic data on Orang Seletar pertaining to their patterns of adaptation, economy, diet and subsistence, belief system, burial pattern, material culture and social organization. These data were compared to the archaeological record of protohistoric site in Pulau Kalumpang, Kuala Selinsing. The purpose of this study is to help in understanding the early culture of protohistoric community in Pulau Kalumpang and their adaptation to the mangroves, shore and sea environments. In addition, this research also explains in general about the culture of Orang Laut community in Southeast Asia.

The research encompasses archaeological surveys, ethnoarchaeological fieldwork and data analyses. From the ethnoarchaeological fieldwork, it is found that Orang Seletar is a maritime community based on their adaptation to their environments of mangroves, sea shore and sea. This adaptation has influenced their culture and could be seen in their settlement and economic pattern, types of dietary and subsistence, material culture and their belief system.

Based on a comparative study between archaeological record and the ethnography of the Orang Seletar, it is suggested that there are similarities between early protohistoric society in Pulau Kalumpang with Orang Seletar in their pattern of adaptation. The similarities is shown in their settlements pattern, diet and subsistence, self sufficient economy which is based on gathering marine life and hunting wild game, technology and material cultures and burial practices especially on burial objects. However, the study was not intended to prove that there exists direct connection between Orang Seletar and early protohistoric society in Pulau Kalumpang but this study help in understanding the cultural pattern of early maritime societies.

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan dalam kajian ini. Bahagian pengenalan ini terdiri daripada beberapa perkara yang dibincangkan. Antaranya adalah terdiri daripada kajian terdahulu, isu dan masalah kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan kawasan tumpuan kajian.

1.1 Masyarakat Awal Protosejarah Pulau Kalumpang

Tapak arkeologi ini terletak di kawasan paya bakau di Pulau Kalumpang, Kuala Selinsing, Perak (Nik Hassan Shuhaimi dan Abdul Latib 1988:36). Bagi memudahkan perbincangan istilah Pulau Kalumpang akan digunakan dalam perbincangan seterusnya. Pulau Kalumpang ini berada dalam kawasan Hutan Simpan Matang, Perak yang terletak sekitar 12 km dari barat daya Kuala Selinsing. Lokasinya terletak di koordinat N 4.981155° E 100.531640° (Peta 1.1). Penduduk tempatan memanggil kawasan tapak ini sebagai Pulau Kalumpang, Pulau Buluh atau Pulau Kulit Kerang (Kamaruzzaman 2013:143) (Foto 1.1).



Peta 1.1: Lokasi tapak arkeologi Pulau Kalumpang, Kuala Selinsing



Foto 1.1: Tapak arkeologi Pulau Kelumpang, Kuala Selinsing (2014)

Kajian di tapak Pulau Kalumpang ini telah menemukan bukti arkeologi bahawa masyarakat awal protosejarah Pulau Kalumpang dilihat mengadaptasikan kawasan persekitaran yang meliputi sekitaran paya bakau, muara sungai dan laut sebagai kawasan persekitaran dalam menjalani kehidupan. Di sekitaran inilah mereka memperoleh diet dan subsisten, mempraktikkan amalan kepercayaan dan hubungan interaksi mereka.

Kawasan bakau di Pulau Kalumpang membentuk kawasan yang luas iaitu di sepanjang dari Kuala Gula di utara hingga ke Panchor berdekatan dengan Pantai Remis di bahagian selatan. Keseluruhan kawasan ini meliputi sekitar 40711 hektar (Kamaludin 1991:77). Kawasan ini lazimnya ditumbuhi oleh pokok *Rhizophora apiculata* dan terdapat juga *R. Mucronata*, *Bruguiera parviflora*, *B. Gymnorrhiza* dan *B. Cylindrica* (Kamaludin 1991:78).

Tapak perkampungan lama sepertimana yang dicatatkan oleh Evans (1932:80) adalah terletak di kawasan yang berkeadaan tanah kering dan berkedudukan agak tinggi di kawasan yang bergeografi paya bakau. Disamping itu menurut Evans (1932:84), kawasan penempatan dan kawasan pengebumian berlangsung di kawasan yang sama di mana pengebumian berlangsung di bawah penempatan cerucuk mereka.

Eskavasi oleh Nik Hassan Shuhaimi (2010) telah menemukan kawasan yang dijadikan penempatan di setiap tujuh buah tapak yang diekskavasinya. Misalnya di tapak Pulau Kalumpang 1,2 dan 5, terdapat sekitar 7-8 buah penempatan manakala 4-5 penempatan telah ditemui di tapak Pulau Kalumpang 3,4,6 dan 7 (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:44).

Dari segi stratigrafi, ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sedimen asal, sedimen asal yang diganggu dan longgokan disebabkan aktiviti manusia. Bagi longgokan disebabkan aktiviti manusia ianya terdiri daripada cengkerang terutamanya *Anadara granosa*. Disamping itu, terdapat juga cengkerang jenis *Placuna placenta*, *Geloina ceylonica* dan *Meretrix lusoria* (Kamaludin 1991:84). Kawasan penempatan ini berkedudukan kira-kira 0.5 m hingga 1.6 m di atas paras air (Kamaludin 1991:77). Penempatan telah bermula di kawasan tanah liat marin.

Tapak-tapak ini kemudiannya telah berkembang di tebing dan persekitaran pantai di kuala dan muara Sungai Selinsing. Di masa ini, muara Sungai Selinsing telah beralih manakala persekitaran Kuala Selinsing telah mengalami proses penokokan dan telah menyebabkan kedudukan sekarang yang berbeza (Kamaludin 1991:87). Paras lautnya adalah lebih rendah berbanding dengan sekarang. Paras lautnya adalah dijangkakan semasa 1500 BP adalah sekurang-kurangnya 60 sm dibawah paras laut sekarang (Kamaludin 1991:93).

1.2 KAJIAN TERDAHULU

Sub bahagian ini menyentuh berkenaan kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Perbincangannya meliputi pandangan para sarjana dari sudut arkeologi ke atas masyarakat pesisir awal yang terdapat di Pulau Kalumpang. Ia melibatkan intepretasi data arkeologi yang telah dibuat oleh mereka terutamanya bagi pengkaji yang telah menjalankan ekskavasi arkeologi di tapak tersebut. Kemudiannya adalah bahagian yang membincangkan tentang kajian terdahulu

berkenaan Orang Seletar. Daripada kajian terdahulu ini, suatu gambaran dapat diperoleh berkenaan corak gaya hidup dan budaya masyarakat Orang Seletar.

1.2.1 Ivan High Norman Evans

Ivan High Norman Evans telah melakukan kajian di tapak arkeologi Kuala Selinsing. Kajiannya terhadap tapak arkeologi tersebut dapat dilihat dalam kajian beliau dengan tajuk *On ancient remains from Kuala Selinsing, Perak* pada tahun 1928, *Further notes on remains from Kuala Selinsing, Perak* tahun 1928, *A further note on the Kuala Selinsing settlement* tahun 1929 dan *Excavations at Tanjong Rawa, Kuala Selinsing, Perak* tahun 1932. Laporan tahun 1932 merupakan laporan lengkap kajian beliau terhadap tapak arkeologi ini. Evans menyatakan bahawa tapak perkampungan lama di Kuala Selinsing terdiri daripada tanah kering dan berkedudukan agak tinggi sedikit disamping mempunyai ciri geografi hutan paya bakau. Ia diliputi dengan hutan renek yang tumbuh di sepanjang menuju ke kawasan perkampungan lama ini. Jumlah cengkerang yang banyak juga ditemui di kawasan perkampungan lama ini berbanding di kawasan rata berlumpur menuju ke arah laut (Evans 1932:80).

Kajian beliau telah menemukan jumpaan arkeologi berupa tiang rumah, manik, tembikar, artifak dan ekofak dari tanduk, tulang dan gading dan juga jumpaan pengebumian. Evans (1932) telah menjumpai sejumlah tiang kayu pada lapisan bawah iaitu bermula pada lapisan D yang berkedalaman 1.5 meter. Tiang pancang kayu ini terdiri daripada pelbagai saiz iaitu ada yang kecil dan setengahnya yang besar. Tiang pancang kayu ini terdapat di kawasan yang terdedah dengan keadaan paras pasang-surut air. Tiang pacang kayu ini diandaikan dijadikan tiang rumah. (Evans 1932:84).

Di sekitaran kawasan penempatan ditemui sejumlah timbunan cengkerang yang terdiri daripada cengkerang marin. Kawasan ini dipisahkan dengan kawasan laluan berlumpur untuk menuju ke pantai. Maka dengan itu, keadaan air pasang merupakan keadaan waktu yang sesuai untuk merentasi kawasan berlumpur tersebut.

Selain itu, Evans (1932:85) banyak menemui manik yang diperbuat daripada batu, kaca, cengkerang dan tulang ikan. Bagi manik yang diperbuat daripada batu ia diperbuat daripada kornelian, akik, batu kristal dan batu kecubung. Disamping itu, mereka juga mengetahui dan turut menggunakan meskipun dalam keadaan yang agak jarang yakni bahan-bahan seperti batu delima, batu nilam, *garnet* dan *chlorite*. Manik kaca yang dijumpai adalah berwarna kuning gelap, merah legap, oren legap, hijau legap, biru legap, hijau biru dan lut cahaya biru (Evans 1932:84). Jenis manik cengkerang yang ditemui adalah berbentuk bulat dan wajik serta jenis cakera atau piring. Bagi manik cengkerang bulat dan wajik ia diperbuat daripada cengkerang *Tridacna* manakala jenis cakera atau piring pula barangkali diperbuat daripada *Celena testudinarca* (Evans 1932:85).

Selanjutnya, Evans (1932:85) juga telah menjumpai banyak serpihan tembikar. Kebanyakan tembikar adalah berwarna kekelabuan, keputihan dan kecoklatan. Kebanyakan tembikar ini menurut beliau dihasilkan dengan cara menggunakan putaran roda. Tembikar ini mempunyai ciri bahagian bawahannya sama ada berbentuk rata ataupun bulat.

Disamping itu pada tembikar ini mempunyai ragam hiasnya yang tertentu. Antara ragam hiasnya adalah yang bermotifkan ombak, pucuk rebung dan ombak gulungan yang turut mengandungi garisan. Bagi ragam hias bermotifkan pucuk rebung

dikatakan dihasilkan dengan sejenis sikat yang mana ia sering digunakan dalam penghasilan tembikar Cina awal (Evans 1932:100). Selain itu, terdapat juga ragam hias yang berbentuk tanda tali dan juga berbentuk skala. Evans (1932:101) mengandaikan bahawa ragam hias yang bermotifkan skala adalah diperbuat menerusi tekapan dengan menggunakan hujung pinggir kerang yang bersaiz sama ada besar atau kecil sewaktu tanah liat masih lagi berada dalam keadaan lembap bagi mendapatkan hiasan yang diinginkan. Bagi serpihan tembikar yang mempunyai ragam hias berbentuk bulatan kecil, Evans (1932:101) berandaian bahawa ia dihasilkan dengan cara menepak atau menekan dengan menggunakan hujung buluh kecil ataupun tulang. Terdapat juga serpihan tembikar yang ragam hiasnya yang didekorasikan dalam bentuk gelang dengan cara menekankan jari secara berulang kali bagi memberikan kesan lekukan (Evans 1932:101).

Sepanjang ekskavasi, (Evans 1932:107) turut menemui beberapa artifak dan ekofak diperbuat daripada tanduk, tulang dan gading haiwan. Antara jumpaan yang menarik adalah kayu pemukul beralur yang diperbuat daripada tanduk rusa. Beliau mengandaikan bahawa ia digunakan dalam pembuatan tembikar. Selain itu, turut ditemui adalah gigi kacip *Rhinoceros sondaicus*, dua tulang ikan jerung atau pari yang mana salah satunya mempunyai potongan lubang yang besar di bahagian tengah serta tulang ikan pari yang ditemui dengan keadaan kedua-dua bahagian hujungnya ditajamkan (Evans 1932:108). Manakala kebanyakan ekofak tulang atau tanduk yang lain adalah merupakan serpihan-serpihan potongan daripada tanduk rusa atau bahagian kecil tulang dan tanduk.

Seterusnya, dalam ekskavasi, beliau turut menemui pengebumian. Beliau melabelkan pengebumian mengikut tapak yang ditemuinya dahulu. Pengebumian I merupakan pengebumian yang pertama ditemui oleh beliau. Berdasarkan pemerhatiannya, tiada sebarang bukti yang dapat dikaitkan dengan bentuk pengebumian perahu pada pengebumian I ini. Mayat ditemui dalam keadaan yang kebanyakannya telah rosak dan musnah. Mayat berkeadaan dibaringkan dengan kepalanya dilenturkan atau dibengkokkan ke arah bahu kanan. Pada pengebumian I, terdapat tembikar yang diletakkan di bahagian atas kepala dengan kedudukannya sedikit ke arah kiri. Serpihan tembikar juga turut ditemui dengan keadaan menutupi bahagian badan mayat dalam kuantiti yang banyak. Kebanyakan serpihan tembikar ini telah bercampur dengan tulang-tulang. Selain itu, turut ditemukan bersama pengebumian I ini adalah satu manik kornelian yang berada berdekatan dengan bekas mangkuk dan beberapa manik lut cahaya, manik kaca hijau dan sejumlah manik biasa yang berada berhampiran dengan badan (Evans 1932:108).

Pengebumian II merupakan pengebumian perahu. Mayat pada pengebumian II dibaringkan dengan keadaan muka menghadap ke arah atas (Evans 1932:109). Sepertimana pengebumian I, pada pengebumian ini turut dijumpai bekas mangkuk yang diletakkan di bahagian atas kepala rangka iaitu di bahagian hujung perahu.

Manakala pengebumian III juga turut merupakan pengebumian bentuk perahu. Perahu yang digunakan merupakan perahu yang berat dan lebih besar. Panjang badan perahu ini adalah berukuran sekitar 5.64 meter. Pengebumian III ini diandaikan merupakan pengebumian yang melibatkan lebih daripada seorang. Hal ini kerana ditemui banyak tulang yang sudah rosak dan pecah yang berada di sekitar bahagian tengah hingga ke hujung perahu (Evans 1932:109). Manakala di bahagian

hujung perahu terdapat serpihan tembikar. Pada pengebumian III ini, sebuah papan yang lebar telah digunakan untuk menutupi tinggalan manusia tersebut.

Pengebumian IV mungkin merupakan pengebumian bentuk perahu. Bersama pengebumian ini turut ditemui bekas tembikar yang berbentuk bulat pada bahagian dasarnya bersama serpihan-serpihan tembikar yang telah pecah. Pengebumian ini juga melibatkan lebih dari satu mayat. Kebanyakan tulang berada dalam keadaan rosak dan pecah. Namun dapat dipastikan bahawa mayat dikebumikan dengan keadaan posisi badannya dibaringkan (Evans 1932:109).

1.2.2 Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman

Nik Hassan Shuhaimi telah menjalankan ekskavasi di tapak Kuala Selinsing iaitu pada tahun 1988-1989 dan 2008. Kajian beliau terhadap tapak arkeologi ini boleh dilihat dalam beberapa siri kajian iaitu dengan judul Penyelidikan Arkeologi di Pulau Buluh, (Pulau Kalumpang), Kuala Selinsing, Perak tahun 1988, *The Encyclopedia of Malaysia Volume 4: Early History* tahun 1998, *Protohistoric Earthenwares from Kuala Selinsing, Perak* tahun 2003, *Maritime Community in Pulau Kalumpang, Matang, Perak: Based on Archaeological Evidences* tahun 2010, Penyelidikan Arkeologi di Pulau Kalumpang: Satu Laporan Awal tahun 2010, Evolusi dan Transformasi Masyarakat Maritim Pulau Kelumpang Matang tahun 2011, Pulau Kelumpang dari perspektif arkeologi: Penyelidikan arkeologi protosejarah di Kuala Selinsing, Pulau Kelumpang, Perak tahun 2011 dan Masyarakat maritim di Pulau Kelumpang dan Lembah Bujang: Pelayar dan pedagang antarabangsa tahun 2011.

Menerusi ekskavasi dapat dikesan bahawa kawasan tapak Pulau Kalumpang keseluruhannya telah dihuni secara berlanjutan dan berterusan. Dalam kajian Pulau Kalumpang tahun 1988-1989, tapak telah di label dengan nama Kalumpang 1 sehingga Kalumpang 7.

Di tapak Pulau Kalumpang, terdapat 7-8 kawasan penempatan di tapak Kalumpang 1,2 dan 5 manakala 4-5 jumpaan kawasan penempatan di tapak Kalumpang 3,4,6 dan 7 (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:44). Satu lagi ekskavasi telah dijalankan oleh Nik Hassan Shuhami di tapak Pulau Kalumpang sekitar bulan Jun hingga Ogos tahun 2008. Pada ekskavasi ini, enam buah petak telah diekskavasi berukuran 2 meter x 2 meter. Empat buah petak telah diekskavasi di tapak Kalumpang 1 manakala dua petak lagi diekskavasi di tapak Kalumpang 2 (Nik Hassan Shuhaimi 2011:11). Jumpaan yang ditemui dalam ekskavasi ini adalah terdiri daripada jumpaan tulang, serpihan tembikar, artifak batu, logam, manik, alatan perhiasan, cengkerang, artifak dari tanduk, tulang dan gading, tinggalan organik, dan juga jumpaan pengebumian.

Manik yang dijumpai di tapak Pulau Kalumpang kebanyakan diperbuat daripada permata separa berharga. Selain itu, turut ditemui manik yang diperbuat daripada tulang ikan dan manik daripada cengkerang. Manik jenis ini ditemui hampir di semua kawasan tapak kajian. Bagi manik cengkerang terdapat dua jenis iaitu manik yang berbentuk bulat atau wajik dan manik yang berbentuk cakera atau piring. Bagi manik berbentuk bulat atau wajik, ia diperbuat daripada cengkerang berspesis *Tridacna* manakala cengkerang berspesis *Celena testudinarca* pula dijadikan cengkerang berbentuk cakera atau piring (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:45).

Selain cengkerang yang dijadikan manik, terdapat jumpaan cengkerang yang mempunyai fungsi tertentu lain. Cengkerang jenis *Cypraea moneta* telah ditemui di tapak Kalumpang 1 dengan jumlah sekitar 102 biji cengkerang. Ia ditemui dengan setiap satunya disambungkan dengan menggunakan tali yang telah terputus. Ia barangkali diandaikan berfungsi sebagai duit kowrie (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:45). Cengkerang jenis *Trochus niloticus* pula dijumpai dalam keadaan bahagian atasnya dipotong dan dipercayai untuk dijadikan sebagai gelang tangan. Selain gelang tangan yang diperbuat daripada *Trochus niloticus*, dijumpai juga beberapa gelang tangan yang diperbuat daripada *Tridacra squamosa* (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:45).

Di tapak tersebut, turut ditemui alat batu yang terdiri daripada bidur batu yang mempunyai saiz kedalaman yang pelbagai dan mempunyai alur yang selari. Ia barangkali digunakan dalam proses menyiapkan gelang tangan cengkerang (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:46). Manakala cengkerang sotong *Crassostrea gigas* pula dijadikan sudu sepertimana yang ditemui di Kalumpang 1 dan 6 (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:45). Bagi spesis cengkerang yang dijadikan diet pemakanan pula kebanyakannya adalah dari jenis *Andara Granosa* bersama spesis *Placuna placenta*, *Meretrix* dan *Geloina* tetapi dalam kadar yang agak kurang (Nik Hassan Shuhaimi 2011:8).

Jumpaan pelbagai cengkerang ini telah diidentifikasi oleh Davidson. Hasilnya dapat dikenal-pasti bahawa sekurang-kurangnya terdapat 29 spesis cengkerang yang berjaya disumbangkan oleh tapak Pulau Kalumpang (Jadual 1.1) (Davidson 1991:96).

Jadual 1.1: Spesis cengkerang yang ditemui di tapak Pulau Kalumpang (Selepas Davidson 1990)

Famili	Spesis	Habitat	Lapisan Kedalaman	Kuantiti	Keadaan dan Fungsi
<i>Patellidae</i>	<i>Cellana testudinaria</i> <i>Linnaeus</i>	Kawasan pesisir berbatu, kawasan pasang surut	80-100,120-140sm	2	Tiada sebarang tanda kerosakan
<i>Trochidae</i>	<i>Trochus niloticus</i> <i>Linnaeus</i>	Kawasan laut cetek, biasanya melekat pada batu karang	0-20, 20-40, 40-60, 60-80, 80-100 sm	16	Kebanyakan hampir pecah atau dipotong untuk penghasilan gelang tangan
<i>Turbinidae</i>	<i>Turbo argyrostoma</i> <i>Linnaeus</i>		140-200 sm		
<i>Turbinidae</i>	<i>Turbo marmoratus</i> <i>Linnaeus</i>	Kawasan laut cetek hingga agak dalam, kawasan berbatu, zon pasang-surut, melekat pada batu karang	100-120 sm	1	Isinya dibuang dan cengkerangnya dibuat alatan perhiasan
<i>Turrtellidae</i>	<i>Turritella terebra</i> <i>Linnaeus</i>	Kawasan laut lepas pantai pada pasir berlumpur	20-40 sm	2	Diambil secara tidak sengaja bersama cengkerang lain. Tidak dijadikan bahan makanan atau perhiasan
<i>Potamididae</i>	<i>Cerithidea cingulata</i> <i>Gmelin</i>	Di kawasan hutan bakau, melekat pada dahan batang bakau.	20-40, 40-60, 60-80, 100-120, 140-160, 200-220 sm	30	
<i>Potamididae</i>	<i>Cerithidea obtusa</i> <i>Lamarck</i>	Kawasan hutan bakau	20-40, 40-60, 60-80, 80-100, 100-120,120-140,200-220 sm	100	Agak kurang dipungut
<i>Potamididae</i>	<i>Telescopium telescopium</i> <i>Linnaeus</i>	Kawasan lumpur berhampiran paya bakau	60-80 sm	1	Kemungkinan dijadikan bahan makanan berdasarkan kepada cengkerangnya yang telah pecah

<i>Potamididae</i>	<i>Terebralia sulcata</i> Born	Hutan paya bakau	80-100 sm	2	Agak kurang dipungut dan dimakan
<i>Naticidae</i>	<i>Natica maculosa</i> Lamarck	Di dalam pasir, di laut cetek	20-40, 40-60, 60-80, 80-100, 100-120, 120-140, 140-160, 180-200, 200-220, 220-240 sm	245	Tiada sebarang tanda ia dimakan atau dibuat alatan perhiasan
<i>Melongidae</i>	<i>Pugilina cochidium</i> Linee	Di air payau atau di laut berlumpur	0-20, 20-40, 40-60, 60-80, 100-120, 120-140, 140-160, 200-220, 220-240 sm	75	Tiada sebarang tanda ia dimakan atau dijadikan alatan perhiasan
<i>Cypraeidae</i>	<i>Cyprae moneta</i> Linn	Kawasan laut cetek	100-120 sm	81	Dikenali sebagai duit kowrie oleh Evans. Setiap bahagian atasnya telah dipotong atau dibuang, barangkali untuk ulir bebenang bagi dibuat umpama rantai leher
<i>Nassariidae</i>	<i>Nassarius thersites</i> Brugeiere	Di dalam lumpur atau pasir, kawasan pasang surut, laut cetek	40-60, 80-100, 100-120, 120-140 sm	8	Spesis terencil dan agak kurang ditemui
<i>Nassariidae</i>	<i>Nassarius suturalis</i> Adams	Kawasan pasang surut.	60-80, 80-100 sm	2	Dipungut secara tidak sengaja bersama cengkerang lain. Dibuang setelah ia tidak sesuai dimakan.
<i>Littoridinae</i>	<i>Littorina melanostoma</i> Grey	Hutan bakau, pohon dan karang di tepi pantai	20-40, 60-80 sm	2	
<i>Littoridinae</i>	<i>Littorina undulata</i> Gray	Kawasan pasang surut, melekat pada karang	100-120 sm	1	

<i>Ellobiidae</i>	<i>Ellobium aurismidae</i> <i>Linnaeus</i>		0-20, 80-100, 100-120, 180-200, 200-220, 220-240 sm	10	Kebanyakan telah rusak dan pecah. Sesetengahnya mungkin dijadikan bahan makanan
<i>Ellobiidae</i>	<i>Ellobium aurisjudae</i> <i>Linnaeus</i>		20-40, 40-60 sm	2	
<i>Ellobiidae</i>	<i>Cassidula mustelina</i> <i>Deshayes</i>		40-60, 60-80, 80-100, 120-140 sm	4	
<i>Ellobiidae</i>	<i>Cassidula aurisfelis</i> <i>Linnaeus</i>		80-120 sm		Beberapa spesimen telah rusak
<i>Marginellidae</i>	<i>Marginella ventricosa</i> <i>Fisher</i>	Laut cetek yang berlumpur	20-40, 40-60, 60-80, 80-100, 100-120, 120-140, 140-160, 160-180, 180-200, 200-220 sm	44	Tiada sebarang kerosakan pada cengkerang. Mungkin ditangkap bersama-sama <i>Anadara Granosa</i> dan <i>Placuna placenta</i> . Tapi dibuang setelah didapati tidak sesuai untuk dimakan.
<i>Ostreidae</i>	<i>Crassostrea gigas</i> <i>Thunberg</i>		40-60, 80-100 sm	2	Satunya dibentukkan seumpama menjadi sudu yang ringkas
<i>Geloinidae</i>	<i>Polymesoda erosa</i> <i>Gmelin</i>	Laut cetek dan berlumpur	0-20, 20-40, 40-60, 60-80, 80-100, 100-120, 120-140, 140-160, 180-200, 200-220, 220-240 sm	227	Dijadikan bahan makanan
<i>Tridacnidae</i>	<i>Tridacna squamosa</i> <i>Lamarch</i>	Laut cetek berhampiran dengan tempat pertumbuhan karang	20-40 sm	1	Evans menyatakan ia material dalam pembuatan gelang tangan.
<i>Veneridae</i>	<i>Venus</i>		20-40, 40-	348	Dipercayai

	<i>lacerata</i> <i>Hanley</i>		60, 60-80, 80-100, 100- 120, 120- 140, 140- 160, 160- 180, 180- 200, 200- 220, 220- 240 sm		dijadikan bahan makanan.
<i>Veneridae</i>	<i>Meretrix</i> <i>lusoria</i> <i>Roding</i>	Di pantai berpasir atau berlumpur	20-40, 40- 60, 60-80, 80-100, 100- 120, 120- 140, 220- 240 sm	67	Dijadikan bahan makanan
<i>Placunidae</i>	<i>Placuna</i> <i>placenta</i> <i>Linnaeus</i>		0-20, 20-40, 40-60, 60- 80, 80-100, 100-120, 120-140, 140-160, 160-180, 180-200, 200-220, 220-240 sm	Terlalu banyak	Dijadikan bahan makanan
<i>Nautilidae</i>	<i>Nautilus</i> <i>pompilius</i> <i>Linnaeus</i>				Ditemui dalam eskavasi Evans tetapi tidak dalam eskavasi Nik Hassan Shuhaimi. Evans menyatakan ia dijadikan kegunaan dalam alatan perhiasan
<i>Neritidae</i>	<i>Merita sp (s)</i>	Kawasan pasang surut, melekat pada batu karang	100-120 sm	1	
<i>Arcidae</i>	<i>Arca</i> <i>rufescens</i> <i>Reeve</i>	Pantai berlumpur	60-80, 80- 100, 140- 160, 200- 220 sm	5	Mungkin dijadikan bahan makanan
<i>Arcidae</i>	<i>Trisidos sp</i> <i>(s)</i>	Persisiran pantai	220-240 sm	1	
<i>Arcidae</i>	<i>Anadara</i> <i>granosa L</i>	Kawasan berlumpur pada bahagian muara sungai yang	0-20, 20-40, 40-60, 60- 80, 80-100, 100- 120,120-	Terlalu banyak	Dijadikan bahan makanan

		disempadani hutan kayu bakau.	140, 140-160, 160-180, 180-200, 200-220, 220-240 sm		
<i>Galeodidae</i>	<i>Melongena pugilina born</i>		20-40, 140-160 sm		Dijadikan bahan makanan
<i>Conidae</i>	<i>Conus sp</i>				Ditemui dalam eskavasi Evans tetapi tidak dalam eskavasi Nik Hassan Shuhaimi. Dijadikan sebagai kon cengkerang.

Menurut Davidson (1990), cengkerang yang paling lazim ditemui di tapak arkeologi Pulau Kalumpang adalah spesies *Anadara Granosa* dan *Placunta Placenta*. Kedua-dua spesies cengkerang marin ini merupakan antara diet utama bagi masyarakat Pulau Kalumpang. Disamping itu, spesies cengkerang *Meretrix*, *Venos* dan *Geloina* turut dijadikan diet makanan tetapi dalam kadar yang agak sedikit dan kurang (Davidson 1990:25). Manakala spesies cengkerang lokan *Polymesoda erosa* turut dipungut sebagai diet makanan (Davidson 1991:96).

Davidson (1991:96), berpandangan bahawa *Anadara Granosa* dan *Placunta Placenta* ini dipungut pada masa yang sama dengan cara yang sama. Diandaikan bahawa cara pungutannya adalah agak hampir sama dengan cara pungutannya pada masa kini iaitu dengan menggunakan sampan dan menceduk moluska bersama lumpur dari kawasan bawah ke permukaan atas. Penceduk yang digunakan pula diperbuat daripada rotan atau jaring buluh yang mana secara tidak langsung membolehkan lumpur tertanggal apabila moluska dibawa naik ke permukaan (Davidson 1991:96). Manakala bagi spesies cengkerang jenis lokan *Polymesida erosa*

pula ia dipungut di kawasan lumpur lembut berair cetek. Cara pungutannya diandaikan dengan cara merasa menggunakan jari tangan atau jari kaki untuk moluska yang terdapat dalam kawasan berkenaan (Davidson 1991:96).

Dari segi penyediaan cengkerang ini untuk tujuan pemakanan pula, tidak dapat dilihat bahawa ia disediakan dengan cara dimasak dengan menggunakan api atau memanggang. Hal ini kerana, tidak terdapat sebarang cengkerang yang ditemui mempunyai kesan-kesan masakan menggunakan api atau memanggang. Maka dengan itu, diandaikan bahawa cengkerang ini dimakan secara mentah-mentah namun terlebih dahulu direbus dengan air kerana untuk membuka cengkerang mentah bukanlah suatu perkara yang mudah. Penggunaan kaedah merebus cengkerang ini adalah agak munasabah kerana ditapak penempatan turut ditemui bekas tanah liat yang berselerakan yang mana ia dipercayai digunakan untuk merebus cengkerang tersebut. Selain itu, cengkerang yang ditemui masih lagi berkeadaan baik dengan injapnya masih lagi berada pada tempatnya menunjukkan bahawa cengkerang ini dimasak dengan kaedah merebus berbanding menggunakan kaedah memanggang atau menggunakan kaedah memasak pada api terbuka. Selain itu terdapat juga spesis cengkerang yang dikorek bagi mengeluarkan dan mendapatkan isinya daripada cengkerang seperti spesis *Melogenia* dan *Ellobium*. Spesis cengkerang ini ditemui dalam keadaan keseluruhan badan yang hancur, meninggalkan bibir dan kadangkala pincaknya berada dalam keadaan masih baik (Davidson 1991:97).

Selain dijadikan makanan, terdapat juga cengkerang yang dijadikan sebagai bahan dalam pembuatan alat perhiasan diri dan kegunaan alatan dapur. Spesis cengkerang untuk tujuan ini ada diantaranya diandaikan diperoleh daripada kawasan berbatu

yang berair bersih dan jernih yang mana ia memerlukan penggunaan pengangkutan air untuk ke sana misalnya seperti spesies *Trochus niloticus* (Zulkifli *et.al* 1992:72). Spesies ini diandaikan diperoleh dari kawasan seperti Pulau Sembilan, Pulau Pangkor dan juga Pulau Langkawi (Davidson 1990:25). Bagi memperoleh cengkerang moluska jenis ini, masyarakat awal ini perlu mendatangi pinggir pulau yang berbatu dan menggunakan kaedah menyelam bagi mendapatkannya.

Antara spesies cengkerang yang digunakan dalam penghasilan alatan perhiasan adalah seperti *Trochus niloticus*. Kebanyakan cengkerang *Trochus niloticus* ini ditemui dalam keadaan yang sudah pecah, rosak dan dipotong yang bertujuan untuk dijadikan gelang tangan (Davidson 1990:25). Evans (1932) pula ada mencatatkan bahawa cengkerang spesies *Andara* digunakan dalam penghasilan manik. Spesies cengkerang lain yang dijadikan sebagai alatan perhiasan adalah terdiri *Turbo marmoratus* Linnaeus, *Cyprea moneta* Linnaeus, *Crassostrea gigas*, *Tridacna squamosa* Lammarck dan *Nautilus pompilius* Linnaeus. Bagi cengkerang jenis *Cyprea moneta* Linnaeus, ia telah diandaikan oleh Evans juga sebagai dijadikan duit kowrie (Davidson 1990:30). Dari sudut pembuatan alat perhiasan diri, cengkerang ini dipercayai digunakan dalam penghasilan rantai leher. Sejumlah 102 cengkerang jenis ini telah ditemui dengan keadaan bahagian atasnya dibuangkan bagi membolehkan ulir benang ditegangkan bagi menghubungkan antara setiap satunya (Davidson 1990:30). Selain itu, cengkerang *Crassostrea gigas* pula diandaikan telah digunakan untuk dijadikan sebagai sudu yang ringkas (Evans 1929). Manakala bagi cengkerang jenis *Tridacna squamosa* Lammarck dan *Nautilus pompilius* Linnaeus pula terdapat dalam laporan Evans tetapi tidak ditemui sewaktu ekskavasi yang

dijalankan oleh Nik Hassan Shuhaimi. Evans menyatakan bahawa cengkerang *Tridacna squamosa Lammarck* telah dijadikan sebagai gelang tangan (Evans 1932).

Selain mengidentifikasikan jenis dan fungsi cengkerang yang ditemui di Pulau Kalumpang, Davidson (1991) turut menganalisis beberapa tinggalan haiwan. Antara tulang ikan yang ditemui di tapak Pulau Kalumpang adalah terdiri daripada ikan pari lang lalat (*Ct Aetobatus narinari*), ikan jahan (*Arius thalassinus Tachysurus sp*), ikan seludu (*Ct. Tachysurus maculatus*), ikan aji-aji (*Seriola nigrofasciata*), ikan cupak (*Caranx sp.*), ikan pertang (*Epinephalus tauvina*) dan ikan kerisi (*Cf Nemipterus sp.*). Bagi ikan bersaiz besar seperti ikan jahan dan ikan pari lang lalat ini mungkin ia ditangkap dengan cara melembing. Hal ini dapat dilihat menerusi keadaan jumpaan ikan pari lang lalat yang mana terdapat banyaknya plat gigi yang pecah ditemui padanya (Davidson 1991:98). Kaedah lain dalam menangkap ikan ini mungkin menggunakan jaring yang diperbuat gentian tumbuhan seperti gentian kelapa, gentian palma dan baru-baru *Hibiscus*. Gentian tumbuhan ini boleh dijadikan tali yang bersimpul bagi menghasilkan jaring menangkap ikan. Terdapat juga sebahagian ikan yang diperoleh dengan cara menggunakan perangkap daripada bakul perangkap yang diperbuat daripada buluh atau rotan yang ditenggelamkan (Davidson 1991:98).

Disamping itu juga, di tapak Pulau Kalumpang juga turut ditemui tulang ikan paus (*Whale sp*). Ikan ini barangkali ditangkap dengan cara mengejar dan melembing haiwan tersebut atau mungkin ia hanya diperoleh disebabkan ikan tersebut sakit atau mati terdampar (Davidson 1991:98). Ikan-ikan ini selain isinya dimakan sebagai salah satu diet masyarakat awal ini, tulangnya pula ada yang ditebuk untuk dijadikan manik ringkas seperti yang terjadi pada tulang ikan jerung dan ikan pari. Selain itu juga, haiwan marin lain yang diandaikan ditangkap oleh masyarakat Pulau

Kalumpang ini adalah penyu menerusi jumpaan serpihan karapas, sejumlah tulang belakang dan falanks, yang mana ia barangkali telah ditangkap dengan menggunakan lembing atau diperangkap dengan menggunakan jaring (Davidson 1991:98).

Selain terlibat dalam kegiatan memburu dan memungut hasil yang berasal dari laut, sungai dan kawasan paya bakau, masyarakat awal Pulau Kalumpang dilihat juga turut terlibat dalam pemburuan haiwan di kawasan hutan. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa jenis tinggalan yang telah berjaya ditemui di Pulau Kalumpang dan kemudiannya telah diidentifikasi oleh Davidson (1991) (Jadual 1.2). Antaranya adalah beberapa batang gigi babi hutan (*Sus scrofa*), gigi geraham bahagian atas anjing, serpihan pacu tarsus ayam, tengkorak atau rahang beruk (*Macaca nemestrina*) dan beruk (*M. fascicularis*), beberapa batang gigi monyet (*Presbytis critata*), rusa sambar (*Cervus unicolor*), gading gajah (*Elephas maximus*), tulang badak sumbu jawa (*Rhinoceros sondaicus*), gigi tunggal pra-geraham bahagian atas harimau (*Panthera tigris*), gigi kacip bahagian atas tikus (*Callosciurus notatus*), dan bahagian ruas terminal yang hampir sama dengan haiwan helang laut merah (*Haliastur indus*) (Davidson1991:101).

Jadual 1.2: Jumpaan tulang haiwan dan ikan di tapak Pulau Kalumpang (Selepas Davidson 1991:98-100)

NAMA SPESIS	NAMA TEMPATAN
<i>Cf Aetobatus narinari</i>	Ikan Pari Lang Lalat (dan pelbagai jenis tulang ikan jerung dan pari lain)
<i>Arius thalassinus Tachysurus sp.</i>	Ikan Jahan
<i>Cf. Tachysurus maculatus</i>	Ikan Seludu
<i>Seriola nigrofasciata</i>	Ikan Aji-Aji
<i>Caranx sp</i>	Ikan Cupak
<i>Epinephalus tauvina</i>	Ikan Pertang
<i>Cf Nemipterus sp</i>	Ikan Kerisi
<i>Haliastur indus</i>	Helang Laut Merah
<i>Macaca nemestrina</i>	Beruk
<i>Macaca fascicularis</i>	Kera
<i>Presbytis cristata</i>	Lotong Kelabu
<i>Rattus sp</i>	Tikus Hitam
<i>Callosciurus notatus</i>	Tupai Pinang
<i>Panthera tigris</i>	Harimau Belang
<i>Canis familiaris</i>	Anjing
<i>Elephas maximus</i>	Gajah
<i>Sus scrofa</i>	Babi Hutan
<i>Cervus unicolor</i>	Rusa Sambar
<i>Rhinoceros sondaicus</i>	Badak Sumbu
<i>Whale sp</i>	Ikan Paus
<i>Porpoise sp</i>	Ikan lumba-lumba

Disamping itu, dijumpai juga artifak yang diperbuat daripada tanduk, tulang dan gading haiwan. Salah satunya adalah objek yang diandaikan sebagai pisau tangan yang masih belum sempurna penghasilannya yang diperbuat daripada tanduk rusa. Tulang pula ditemui dengan fungsinya diandaikan sebagai sangkul atau pengikat rambut (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:47). Manakala di tapak Kalumpang 1,2 dan 5 telah dapat ditemukan tinggalan ekofak berupa tempurung kelapa, bekas labu, bahagian-bahagian dari jalinan buluh dan ranting kayu hangus kesan memasak. Di tapak Kalumpang 2,5 dan 6 pula berjaya ditemui beliung, tiang rumah, serpihan atau kepingan kayu yang digunakan membuat perahu, tikar yang mungkin diperbuat daripada buluh bersama picisan tikar daun *pandanus*. Sekam padi

juga telah ditemui di tapak Kalumpang 6 manakala lesung padi yang pula ditemui di tapak Kalumpang 5 (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:47) .

Selanjutnya, terdapat jumpaan beberapa serpihan tembikar tanah yang ditemui di tapak Pulau Kalumpang. Serpihan tembikar tanah ini mempunyai ragam hias. Kaedah yang digunakan dalam penghasilan ragam hiasnya terdiri daripada kaedah torehan atau goresan, kaedah tekanan dan kaedah garisan. Ragam hias yang dihasilkan dengan kaedah torehan atau goresan adalah terdiri daripada jenis pucuk, ombak dan bentuk gulungan. Bagi ragam hias yang menggunakan kaedah tekanan adalah terdiri daripada bentuk pintalan, jaring, tikar dan tandaan bakul. Manakala ragam hias berbentuk garisan, lintangan dan bentuk melengkung pula dihasilkan dengan kaedah ukiran (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:46).

Ekskavasi pada pada tahun 1988-1989 telah menemui 11 tapak pengebumian. Tapak pengebumian datang dari tiga peringkat iaitu pertamanya 40-50 cm dari permukaan, keduanya 80 cm dan yang paling tertua adalah di kedalaman 160 cm dari permukaan. 5 dari pengebumian ditemui di Kalumpang 1, 4 di Kalumpang 5 dan 1 di Kalumpang 3 dan 4 (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:47). Rangka yang ditemui di lapisan paling atas, kebanyakannya telah mengalami kerosakan berbanding rangka pengebumian yang ditemui pada lapisan terbawah. Di tapak Kalumpang 1 ditemui pengebumian kanak-kanak yang bersamanya terdapat dua buah bekas tembikar yang diletakkan pada bahagian kepala, tembikar ini dipercayai merupakan bekas makanan dan bekas minuman (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2010:47). Kebanyakan bekas dilihat diletakkan di bahagian kepala namun serpihan tembikar juga turut diletakkan secara berselerakan di kawasan badan. Selain bekas mangkuk dan serpihan tembikar, turut ditemui bersama pengebumian adalah manik, tembikar,

perhiasan batu dan makanan. Manakala pada ekskavasi 2008, telah dapat ditemui lima rangka pengebumian yang ditemui pada kedalaman yang berbeza-beza. Empat daripada rangka ini dijumpai di Kalumpang 1 manakala yang satu pula ditemui di Kalumpang 2. Kebanyakan rangka yang ditemui pada lapisan atas telah mengalami kerosakan berbanding dengan rangka yang ditemui pada lapisan bawah. Bersama pengebumian ini, ditemui juga tembikar yang diletakkan pada posisi bahagian kepala dan kaki (Nik Hassan Shuhaimi 2011:12).

Menurut Nik Hassan Shuhaimi (2010), penempatan di tapak Pulau Kalumpang telah dihuni secara berlanjutan iaitu bermula sekitar antara 200 sebelum Masihi. Pentarikhkan menggunakan kaedah pentarikhkan C-14 diperoleh menerusi sampel arang yang berasosiasi dengan rangka. Keputusan pentarikhkan menunjukkan bahawa pengebumian di bahagian atas sekali adalah bertarikh sekitar 1450 + - 40 BP hingga 1460 +- 40 BP. Manakala rangka yang ditemui di peringkat bawah pula dipertarikhkan dari 1810 +-40 BP hingga 1700+-40 BP. Rangka tertua adalah dipertarikhkan dari 120 AD (Nik Hassan Shuhaimi dan Zuliskandar 2010:49). Secara keseluruhan jumpaan artifak dan pengebumian di tapak Pulau Kalumpang adalah seperti di jadual 1.3.

Jadual 1.3: Jumpaan artifak dan pengebumian di tapak Pulau Kalumpang

NAMA PENYELIDIK	JUMPAAN ARKEOLOGI
I.H.N. Evans (1932)	<p>~ Jumpaan tiang pos rumah.</p> <p>~ Jumpaan manik yang terdiri daripada manik batu, manik kaca dan manik cengkerang.</p> <p>~ Jumpaan tembikar yang mempunyai pelbagai ragam hias. Antaranya ialah ombak pucuk rebung, ombak gulungan, tandaan tali dan bentuk gelung.</p> <p>~ Jumpaan artifak dari tanduk, tulang dan gading.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kayu pemukul beralur daripada tanduk rusa. - Jumpaan tulang ikan jerung dan pari. Dijumpai dalam keadaan bahagian tengah dilubangkan dan kedua-dua hujung ditajamkan. <p>~ Jumpaan pengebumian. Terdapat 4 pengebumian.</p> <p>~ Pengebumian I</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mayat dibaringkan dengan kepalanya dilenturkan ke arah bahu kanan. - Terdapat bekas mangkuk diletakkan di bahagian atas kepala. - Terdapat sejumlah serpihan tembikar yang bercampur dengan tulang-tulang. - Ditemukan satu manik kornelian, beberapa manik lut cahaya, manik kaca hijau dan manik biasa. <p>~Pengebumian II</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengebumian bentuk perahu. - Mayat dibaringkan dengan keadaan muka menghadap ke arah atas. - Terdapat bekas mangkuk yang diletakkan di bahagian atas kepala. <p>~ Pengebumian III</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengebumian bentuk perahu. - Perahu lebih berat dan besar. - Melibatkan pengebumian lebih daripada seorang individu. - Terdapat sejumlah serpihan tembikar di bahagian hujung perahu. <p>~ Pengebumian IV</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengebumian bentuk perahu. - Melibatkan pengebumian lebih daripada seorang individu. - Terdapat bekas mangkuk dan sejumlah serpihan tembikar. - Mayat dikebumikan dengan keadaan badan berposisi dibaringkan.
Nik Hassan Shuhaimi (2010)	<p>~Jumpaan manik yang kebanyakannya daripada permata separa berharga dan juga terdapat manik yang diperbuat daripada tulang ikan dan cengkerang.</p> <p>~ Jumpaan cengkerang yang mempunyai pelbagai fungsi.</p> <p>~ Cengkerang jenis <i>Trochus niloticus</i> dan <i>Tridacra squamosa</i> dijadikan sebagai gelang tangan.</p> <p>~ Cengkerang jenis <i>Andara granosa</i>, <i>Placunta placenta</i>, <i>Meretrix</i> dan</p>